

# Sidang jadi pemangkin kerjasama KL-Yangon

21 AUG 2002  
DaripadaRejalArbee

YANGON, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia yang dilancarkannya hari ini, menjadi pemangkin kerjasama pelbagai bidang antara kedua-dua negara demi pertumbuhan dan kebaikan sosio-ekonomi rakyat masing-masing.

Perdana Menteri berkata, asas kerjasama rapat antara Myanmar dan Malaysia telah pun diwujudkan dan cabarannya kini ialah melaksanakan apa yang dirancangkan itu menjadi kenyataan.

"Banyak yang boleh dilakukan dalam usaha menjalinkan kerjasama antara kerajaan, ahli perniagaan dan pakar sains kedua-dua negara," katanya menyampaikan ucapan pada persidangan anjuran bersama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar (SPDC) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Matrade) dan Institut Sultan Iskandar (ISI) itu.

Lima kertas kerja dibentangkan pada persidangan tiga hari bertemakan "Peluang Perniagaan dan Kerjasama Teknologi Antara Malaysia dan Myanmar" itu, yang dihadiri 550 peserta, terutama mereka dari sektor perniagaan kedua-dua negara.

Antara pembentang kertas kerja ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang membincangkan perdagangan serantau sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie mengenai memacu pertumbuhan ekonomi dalam era digital.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini atas jemputan Pengerusi SPDC dan Perdana Menteri Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe dan sebagai membalas lawatan Than Shwe ke Malaysia pada September lalu, berlepas pulang petang ini.

Dr Mahathir berkata, banyak yang boleh dilakukan kedua-dua negara demi manfaat bersama,

LIHAT MUKA 2

# Persidangan bukti komitmen berterusan Malaysia makmurkan jiran

## DARI MUKA 1

terutama dalam mewujudkan kerjasama dalam bioteknologi kerana Malaysia dan Myanmar dilimpahi kekayaan sumber flora dan fauna. asas bagi genomik, sains masa depan.

"Persidangan ini adalah bukti komitmen berterusan di pihak kerajaan Malaysia untuk memakmurkan jiran-jirannya melalui kerjasama ekonomi dan perniagaan," katanya.

Perdana Menteri juga melahirkan harapan agar pelabur Malaysia diterima baik oleh Myanmar sebagaimana Malaysia membuka tangannya menerima pelaburan asing.

Bagaimanapun, katanya, negara tuan rumah tentulah malukan pelabur asing menghormati undang-undang dan dasarnya selain srttsitif terhadap keadaan tempatan.

Sehubungan itu, beliau berharap pelabur Malaysia di negara itu bersikap demikian.

Malaysia kiti adalah pelabur asing keempat terbesar di Myanmar termasuk dalam bidang pembuatan, minyak dan gas, perhotelan dan pelancongan serta kemajuan hartanah bernilai AS\$182 juta.

Selain itu, beberapa projek lain telah diluluskan dengan nilai pelaburan AS\$642 juta, yang kini di peringkat pelaksanaan. Myanmar dikatakan mem-

punyai potensi besar memandangkan jumlah penduduk mencecah 48 juta dengan kos huruh yang rendah.

Malah Setiausaha | SPDC, Lt Jen Khin Nvunt ketika berucap di persidangan itu, berharap Malaysia, yang kini menumpukan kepada perindustriat dalam bidang teknologi tinggi, ntengatkan industri berasaskan buruh, ke Myanmar.

Dr Mahathir, dalam sidang akhbarinya selepas itu, berkata pengalaman Malaysia menunjukkan pertumbuhan ekonomi memerlukan pelaburan asing dan bagi menggalkannya, beberapa perediaan perlu diwujudkan.

"Sesebuah negara yang ingin menarik pelaburan asing harus mempunyai kerangka undang-undang, peraturan dan dasar yang mantap serta tindak-tanduk yang menarik.

"Adalah tidak memadai untuk hanya berkata negara terbuka kepada pelabur asing tetapi tidak mempunyai kerangka peraturan dan undang-undang yang boleh meyakinkan pelabur bahawa pelaburan mereka tidak dipersiapkan," katanya.

Beliau berkata, pelabur asing memang tnhukan keuntungan tetapi mereka juga menyumbang kepada kebaikan dan kemajuan negara di mana mereka melabur.

Perdana Menteri yakin Myanmar holeh menarik pelaburan asing untuk kemajuan dan pembangunannya dengan melaksanakan sesetengah dasar yang diterima pakai di Malaysia.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata Malaysia secara ikhlas mahu melihat rantau Asean makmur dan kuat bagi membolehkan mereka menangkis pencari mangsa dari luar.

Malaysia, katanya, tidak terhabit dalam permainan 'hasil tambah' iaitu sesebuah negara hanya boleh mendapat untung jika sesebuah lagi negara mengalami kerugian kerana Malaysia percaya dengan falsafah 'Menang-Menang' dengan semua pihak patut mendapat untung dan tiada siapa rugi.

"Berpegang kepada kepercayaan ini, Malaysia hekerjasama rapat dengan semua jirannya, terutama anggota haru Asean, di mana akibat perjuangan masa lampau mereka yang menyebabkan banyak kerugian, telah ketinggalan di belakang.

"Kami percaya bahawa pengalaman kami untuk berkembang melalui p enyertnan asing dalam ekonomi kami, juga boleh dijadikan pengalaman oleh semua negara yang berhasrat meningkatkan pertumbuhan rkonotni mereka. Kami tahu pelaburan asing tidak akan menjejaskan kemer-

dekaan kami.

"Ini adalah satu-satunya cara bagi negara lemah melindungi diri sendiri, dengan saling bekerjasama menggahungkan aset-aset mereka yang sedikit dan menghentuk kerjasama lebih kukuh antara negara serantau dan juga antara rantau, satu kerjasama yang tidak akan menghapuskan identiti kebangsaan mereka." katanya.

Jen Khtn Nyunt pula berkata, Myanmar amat bangga dengan kemerdekaannya serta menghargai

keutuhannya dan tiada siapa boleh memaksanya menerima cara-cara yang tidak secocok dengannya.

"Penyelesaian terhadap caharan yang dihadapi Myanmar harus wujud dari dalam.

"Keadaan ini tidak harus dianggap hahawa kerajaan Myanmar anti demokrasi kerana kini pun kami berusaha mewujudkan landasan bagi kemunculan sebuah negara demokratik.

"Tetapi ia harus maju secara teratur dan tidak terburu-huru kerana telah ba-

nyak contoh negara yang terlalu kalut hendak berubah dari satu sistem ke sistem lain, akhirnya menjejaskan kestabilannya hingga menimbulkan keadaan tidak menentu," katanya.

Pemerintah Myanmar kini berusaha mewujudkan asas-asas politik, ekonomi, sosial dan kemanusiaan bagi menentukan peralihan ke demokrasi berjalan lancar dan stabil. Ia akan diasaskan kepada prinsip kehehasan, keadilan dan kesamaan berlandaskan keutuhan undang-

undang.

Beliau berterima kasih kepada Malaysia, khususnya Dr Mahathir kerana usaha mengadakan hubungan hermakna dan menghantu memajukan Myanmar ketika ia masih menghadapi sekatan dan embargo oleh heherapa negara maju.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang semalam dilaporkan akan menemui pemimpin Liga Demokratik Kebangsaan (NLD), Aung San Suu Kyi, tidak jadi berbuat demikian.